

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASSAN BIN ARIFFIN  
[ROMPIN]**

**TARIKH : 19 JULAI 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa jumlah kenderaan persendirian di Malaysia yang berusia 25 tahun ke atas, 15 hingga 25 tahun dan 10 hingga 15 tahun.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jumlah kenderaan persendirian di Malaysia yang berusia lebih 10 tahun sehingga 30 Jun 2022 adalah sebanyak dua puluh satu juta tiga ratus dua ribu lapan ratus tiga puluh sembilan (21,302,839) unit.

Daripada jumlah ini, bilangan kenderaan persendirian di Malaysia yang berusia 25 tahun ke atas adalah sebanyak lapan juta dua ratus dua puluh satu ribu enam ratus dua puluh tujuh (8,221,627) unit.

Manakala, kenderaan berusia 15 tahun hingga 25 tahun adalah sebanyak tujuh juta empat ratus empat puluh satu ribu tiga ratus empat puluh (7,441,340) unit dan kenderaan berusia 10 hingga 15 tahun pula adalah sebanyak lima juta enam ratus tiga puluh sembilan ribu lapan ratus tujuh puluh dua (5,639,872) unit.

Sekian, terima kasih.